



Anwar pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

# Bantuan SARa RM600 mula Isnin

Lebih 200,000 penerima Sumbangan Tunai Rahmah diberi dana tambahan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Zaky Zainuddin  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lebih 200,000 penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan menerima Sumbangan Asas Rahmah (SARa) sebanyak RM600 mulai Isnin ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sumbangan berkenaan untuk membolehkan penerima mendapatkan barangan keperluan makanan asas.

“Kerajaan sudah menyediakan STR untuk meringankan kos sara hidup rakyat dan sebagai tambahan, lebih 200,000 penerima STR yang dikategorikan sebagai miskin tegar berdasarkan data e-Kasih turut menerima SARa mulai 17 Julai ini.

“Bagaimanapun, perincian berhubung program SARa akan diumumkan pada masa terdekat,” katanya berucap pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Selain itu, Anwar mengumumkan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan melancarkan Program Geran Padanan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan peruntukan RM100 juta pada bulan depan.

Katanya, sejumlah peruntukan juga dikhususkan untuk menggalakkan penaja kecil aktif da-

lam pemasaran digital serta pelanggan aplikasi pendigitalan perniagaan.

Mengenai Skim Perubatan MADANI khusus untuk golongan B40 mendapatkan rawatan di klinik dan pengamal perubatan swasta, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju memperluaskan pelaksanaannya ke tujuh negeri di bandar berpendudukan tinggi.

“Melihat sambutan amat menggalakkan dan keberkesanan skim ini, ia akan diperluaskan di tujuh negeri terutama di bandar yang penduduknya tinggi seperti Klang, Johor Bahru dan Kuching,” katanya.

## Tambahan RM100 juta

Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan tambahan peruntukan RM100 juta untuk pelaksanaan projek kecil di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadikan keseluruhan peruntukan bagi tahun ini sebanyak RM400 juta.

“Kerajaan turut bersetuju menambah peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan sebanyak RM600 juta menjadikan keseluruhan RM1.5 bilion untuk 2023.

“Kerajaan juga menyalurkan sebahagian peruntukan penyelenggaraan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi melaksanakan projek penyelenggaraan kecil di sekolah Kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, pelatih yang menjalankan latihan industri di kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menerima elaun perantisan minimum RM800 sebulan.

Beliau berkata, biarpun secara tradisi pelatih industri tidak menerima bayaran, elaun itu pen-

ting terutama bagi mereka daripada keluarga tidak berkemampuan dan miskin.

“Untuk permulaan, intern (pelatih industri) memang tiada bayaran, itu betul dan ini untuk pendedahan, tetapi ada yang mereka datang daripada keluarga miskin.

“Malah, dalam beberapa dialog saya di universiti, mereka merayu sudah habis belajar, tiada lagi pinjaman dan bantuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

“Jadi mereka terpaksa bergantung kepada ibu bapa. Justeru, untuk kerajaan dan syarikat GLC, elaun perantisan RM800 sebulan untuk semua pelatih industri,” katanya.

Anwar berkata, dasar pemberian elaun perantisan terbabit ditetapkan Kementerian Kewangan supaya semua GLC yang mengambil pelajar menjalani latihan industri menunjukkan teladan baik.

Mengulas kemasukan pelabur asing, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mengeluarkan Pas Pelabur Strategik (SIP) bagi memudahkan urusan pelabur ke negara ini, yang mana ia memberi kelebihan untuk mereka memasuki Malaysia dengan asas ‘multiple entry’ atau kemasukan berulang kali.

Katanya, kemudahan itu antara langkah penting dalam naratif Malaysia Madani menjadikan negara sebagai destinasi pelaburan kompetitif global.

“Melalui kemudahan ini, pelabur strategik yang dikenal pasti oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan dapat berada di negara ini untuk sekurang-kurangnya lima tahun sebelum dikaji semula untuk lanjutan selama lima tahun lagi,” katanya.